



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 30 APRIL 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **84 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,171 kes** (69.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 30 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **57 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,002 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,729 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 57 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **25 kes adalah kes import**. Ini bermakna, kes penularan tempatan (*local transmission*) adalah **32 kes sahaja**.

Sehingga kini, seramai **36 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 14 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **102** kes (1.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-101 (kes ke-4657) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 64 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit barah darah. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 daripada kluster PUI Bali (iaitu kes ke-4476). Beliau telah dirawat di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang pada 12 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 29 April 2020 jam 4.14 petang.
- Kes kematian ke-102 (kes ke-5282) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi. Beliau telah dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 16 April 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 30 April 2020 jam 12.55 tengah hari.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

## **STATUS TERKINI KESIAPSAGAAN DAN RESPON MEMBENDUNG COVID-19 DI NEGERI SARAWAK**

Adalah dimaklumkan bahawa sehingga kini negeri Sarawak mempunyai 18 buah hospital saringan COVID-19. Ini merupakan peningkatan sebanyak 72 peratus berbanding 5 buah hospital pada fasa gelombang pertama wabak COVID-19. Terdapat 4 buah hospital yang telah dikenalpasti sebagai pusat rawatan COVID-19 (iaitu Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri, Hospital Bintulu dan Hospital Sibu) dengan jumlah 736 katil yang dikhaskan bagi kes COVID-19. Hospital-hospital ini dilengkapi dengan 63 katil rawatan kritikal dengan 112 mesin bantuan pernafasan (*ventilator*).

Selain daripada itu, terdapat 5 buah fasiliti yang telah dikenalpasti sebagai pusat kuarantin dan rawatan risiko rendah dengan kapasiti 901 buah katil.

Kini terdapat empat (4) buah makmal yang boleh menjalankan ujian pengesahan COVID-19 iaitu di Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibul, Hospital Miri, dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Secara keseluruhannya, jumlah ujian pengesahan yang dapat dijalankan di empat (4) makmal ini adalah 898 ujian, dan ini akan dipertingkatkan ke 1,040 ujian sehari. Hospital Umum Sarawak bakal mendapat sebuah mesin *Lab Turbo* yang dijangka beroperasi pada awal Mei 2020 (dengan kapasiti 200 ujian sehari). Hospital Bintulu pula dijangka menjalankan ujian mulai pertengahan bulan Mei (dengan kapasiti 30-40 ujian sehari).

Sekiranya ada keperluan, KKM akan menghantar sampel ke makmal hospital di Semenanjung Malaysia atau ke makmal-makmal swasta sebagai salah satu perancangan peningkatan kapasiti makmal jangka masa pendek.

## **STATUS TERKINI KLUSTER-KLUSTER COVID-19 DI NEGERI SARAWAK**

Sehingga 30 April 2020, jam 12 tengah hari terdapat sebanyak tiga (3) kluster yang telah dikenalpasti di Negeri Sarawak iaitu:

1. Kluster persidangan keagamaan di sebuah Gereja di Kuching, Sarawak yang hari ini mencatat satu (1) kes baharu, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 kluster ini adalah 176 kes. Daripada jumlah kes positif COVID-19 tersebut:
  - 86 kes discaj yang telah pulih sepenuhnya;
  - 85 kes sedang dirawat di wad biasa di hospital;
  - dua (2) kes di Unit Rawatan Rapi (ICU);
  - tiga (3) kes kematian (iaitu kes ke-358, kes ke-2471 dan kes ke-2864).
2. Kluster *Person Under Investigations* (PUI) Itali tiada kes baharu yang dilaporkan hari ini, menjadikan jumlah kes positif

COVID-19 kluster ini kekal 63 kes. Daripada jumlah kes positif COVID-19 tersebut:

- 26 kes discaj yang telah pulih sepenuhnya;
- 31 kes sedang dirawat di wad biasa di hospital;
- satu (1) kes kritikal di Unit Rawatan Rapi (ICU);
- lima (5) kes kematian (iaitu kes ke-1031, kes ke-1032, kes ke-1006, kes ke-2850 dan kes ke-2210).

3. Kluster Hospital Umum Sarawak (HUS) yang melibatkan anggota kesihatan HUS. Pada hari ini, terdapat dua (2) kes baharu, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 kluster ini sebanyak 56 kes. Daripada jumlah kes positif COVID-19 tersebut:

- 35 kes discaj yang telah pulih sepenuhnya;
- 21 kes sedang dirawat di hospital.

### **STATUS TERKINI COVID-19 DI HOSPITAL UMUM SARAWAK (HUS)**

Kebanyakan kes daripada kluster di HUS ini adalah berkait rapat dengan kluster terbesar di Kuching, iaitu kluster persidangan keagamaan di sebuah Gereja (iaitu 29 kes atau 51.8 peratus). Berdasarkan siasatan setakat ini, **TIADA** kes yang berpunca daripada pengendalian kes yang disahkan positif dari wad COVID-19 dan unit rawatan rapi (ICU) di hospital tersebut.

Sehingga 29 April 2020, seramai 2,003 orang kontak rapat telah dikenalpasti susulan aktiviti pengesanan kontak rapat secara aktif (*active case detection*) yang dijalankan oleh KKM. Didapati 1,950 anggota kesihatan adalah negatif ujian pengesanan COVID-19.

Susulan penularan jangkitan COVID-19 ini, langkah pengekangan dan pembendungan yang ketat sedang dijalankan, termasuk:

- Proses nyahcemar di semua kawasan yang berkaitan;

- Aktiviti mobilisasi anggota dari hospital dan klinik kesihatan berdekatan;
- Amalan jarak sosial selamat (*social distancing*), pemakaian kelengkapan pelindung diri (PPE) mengikut keperluan serta pemantauan yang ketat di semua kawasan umum;
- Penjagaan pesakit yang rendah imun telah dipindahkan ke fasiliti berdekatan;
- Pengaturan tempat kediaman anggota kesihatan
- Saringan menyeluruh secara berkala di semua lokasi berisiko tinggi dalam hospital

Semua anggota kesihatan yang terbabit akan menjalani ujian saringan mengikut garis panduan yang ditetapkan. KKM telah memulakan aktiviti perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) di semua fasiliti kesihatan KKM termasuk aktiviti bantuan awal psikologi (*Psychological First Aid*) secara individu dan berkumpulan. Sokongan emosi dan kaunseling kepada anggota-anggota kesihatan turut diberikan melalui perkhidmatan atas talian yang telah diwujudkan di peringkat hospital dan negeri.

Langkah-langkah pembendungan secara aktif ini telah diambil bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan di HUS adalah terjamin. Sehingga kini, perkhidmatan-perkhidmatan kritikal di HUS adalah berjalan seperti biasa dan KKM sememangnya memantau rapi perkara ini.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM akan memantau kejadian jangkitan ini dan orang ramai dinasihatkan untuk terus duduk di rumah (*stay at home*). Sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang tinggi seperti kerap membasuh tangan dan mengamalkan jarak sosial selamat (*social distancing*) iaitu sekurang-kurangnya 1 meter di antara satu sama lain. Orang awam dipohon untuk memainkan peranan masing-masing dalam menangani kejadian COVID-19 di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

30 April 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 30 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
<b>KEDAH</b>	<b>0</b>	<b>95</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>0</b>	<b>121</b>
<b>PERAK</b>	<b>0</b>	<b>253</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>27 (13)</b>	<b>1,431</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>5</b>	<b>513</b>
<b>MELAKA</b>	<b>5 (2)</b>	<b>198</b>
<b>JOHOR</b>	<b>3 (3)</b>	<b>663</b>
<b>PAHANG</b>	<b>1</b>	<b>294</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>110</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>155</b>
<b>SABAH</b>	<b>0</b>	<b>315</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>5</b>	<b>507</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	<b>10 (7)</b>	<b>1,232</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	<b>1</b>	<b>81</b>
<b>W.P. LABUAN</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>57 (25)</b>	<b>6,002</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import